



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	22/11/2019	MUKA SURAT	: 54
JABATAN	:	SPAN / SAMB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



Melaka sasarkan paras air di Empangan Durian Tunggal mencapai tahap 95 peratus.

(foto hiasan)

Melaka jamin krisis air 1991 tidak berulang

Pelbagai inisiatif dilaksana pastikan bekalan cukup

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Ayer Keroh: Kerajaan Melaka memberi jaminan krisis bekalan air terburuk yang pernah melanda negeri ini pada 1991 tidak akan berulang pada masa depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, dan Kemudahan Awam Melaka, Datuk Mohd Sofi Abdul Wahab, berkata keyakinan itu bersandarkan kepada pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan negeri melalui Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB).

Katanya, usaha itu termasuk meningkat dan mengekalkan paras air di semua empangan, penambahbaikan loji rawatan dan pengepaman air sungai ke kawasan tadahan di negeri itu bagi menjamin sumber air sentiasa mencukupi.

"Ketika ini empangan utama, Durian Tunggal (DT) meningkat satu peratus setiap hari dan sasaran kerajaan negeri sehingga 25 Disember depan, paras empangan ini berupaya men-



Usaha itu termasuk meningkat dan mengekalkan paras air di semua empangan, penambahbaikan loji rawatan dan pengepaman air sungai ke kawasan tadahan.

Mohd Sofi Abdul Wahab, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, dan Kemudahan Awam Melaka

capai pada tahap 95 peratus.

"Pelan lain, termasuk merancang pembinaan Empangan Jernih, Alor Gajah membabitkan kos RM163 juta, telaga dalam dan loji rawatan Sungai Siput, membangunkan saluran paip dari Tasik Biru ke DT, dan projek sistem takungan air atau *Off River Storage* (ORS) bernilai

RM350 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Idris Haron (BN - Sungai Udang) sama ada krisis bekalan air 1991 berulang pada 2021 pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, di sini semalam.

Menjawab soalan tambahan Damien Yeo (DAP - Duyong) mengenai kelewatan dan kurang menepati jadual lori tangki air ketika krisis air baru-baru ini, Mohd Sofi menjelaskan kerajaan negeri pada awalnya menghadapi masalah kekurangan bantuan lori tangki membekalkan air terawat daripada beberapa negeri jiran seperti Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang, berjaya diselesaikan seminggu kemudian.

Katanya, masalah air bertekanan rendah di rumah pangsa, khususnya di Kota Laksamana menyebabkan ketiadaan air selama seminggu juga diatasi sama ada kerajaan negeri mengeluarkan peruntukan pembinaan rumah pam di kawasan itu atau langkah wajar lain.

Menjawab soalan tambahan Datuk Nor Azman Hassan (BN - Pantai Kundor) mengapa tiada pengisytiharan catuan air ketika krisis bekalan beberapa bulan lalu, Mohd Sofi berkata, tindakan itu ditangguhkan berikutan keadaan hujan walaupun permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sudah diluluskan.